

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 21/03/2018
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa pinda undang-undang kecil Mei ini

Tarikh kemaskini: 21/03/2018

KUALA NERUS, 21 Mac (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan meminda undang-undang kecil dan perintah tetap pertubuhan itu Mei ini, bagi memperkemas struktur dalaman badan koperasi utama negara itu.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pindaan itu adalah untuk menentukan 20 peratus jumlah perwakilan yang akan dipanggil bagi mewakili koperasi negeri masing-masing ke Persidangan Tahunan Kebangsaan Angkasa (PTKA).

"Angkasa ketika ini mempunyai anggota yang begitu ramai, iaitu kira-kira 10,000 anggota berdaftar, jadi mungkin lokasi apabila diadakan PTKA kelak tidak mampu menampung kesemuanya.

"Kita akan membentangkan cadangan pindaan ini pada setiap persidangan negeri yang sedang berlangsung dan membawanya ke PTKA pada 12 Mei depan sebelum diajukan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi kelulusan untuk dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun hadapan," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Persidangan Angkasa Negeri Terengganu di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata kali terakhir Angkasa meminda undang-undang kecil pertubuhan itu ialah pada 2010 bagi tujuan penambahbaikan dalam aktiviti melibatkan perniagaan.

Beliau turut memohon kerajaan mempertimbangkan hasrat Angkasa agar koperasi di negara ini diiktiraf sebagai sebuah entiti perniagaan untuk memudahkan mereka menikmati insentif seperti perusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Beliau berharap cadangan itu dapat dilaksanakan dengan mengambil kira sektor koperasi antara tulang belakang negara yang turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi pada tahun lalu iaitu kira-kira RM40 bilion bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

-- BERNAMA